
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JIB 417 – Perlakuan Haiwan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja.

Setiap jawapan mesti dijawab di dalam buku jawapan yang disediakan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan bernilai 20 markah dan markah subsoalan diperlihatkan di penghujung subsoalan itu.

1. (a) Huraikan mengenai satu unit sosial kompleks yang terdapat pada mamalia.
(10 markah)
- (b) Huraikan mengenai kehidupan dan perlakuan-perlakuan satu unit sosial kecil yang dipanggil 'pride' pada mamalia.
(10 markah)
2. Tuliskan nota ringkas berserta contoh yang sesuai (jika ada) mengenai yang berikut:
 - (a) Haiwan dominan dan hierarki sosial (5 markah)
 - (b) Kesan hormon pada perlakuan (5 markah)
 - (c) Konsep kewilayah (5 markah)
 - (d) Lima cara mengukur motivasi (5 markah)
3. Dengan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan mengenai jenis-jenis komunikasi haiwan
(20 markah)
4. Apakah keuntungan berkumpulan dalam kehidupan haiwan? Berikan contoh-contoh yang sesuai.
(20 markah)
5. Apakah yang dimaksudkan dengan Paten (corak) Aksi Tetap (PAT) atau juga dikenali dengan FAP? Terangkan satu contoh mekanisme penyebab (trigger mechanism) PAT dan senaraikan TIGA contoh haiwan yang berkaitan dengan PAT.
(20 markah)
6. (a) Bincangkan mengenai peneraan dengan contoh-contoh yang sesuai.
(10 markah)
- (b) Apakah perkara-perkara penting yang perlu diambil kira sebelum membuat pengkajian mengenai seseekor haiwan supaya mendapat keputusan yang baik. Huraikan dengan memberikan contoh tertentu.
(10 markah)